

TERMA-TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA SYARIAH BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

TERMS OF REFERENCE OF
SHARIAH COMMITTEE BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

1. Objektif/Tujuan/*Objective/Purpose:*

Terma-terma Rujukan ini disediakan bagi memberitahu dan memaklumkan Jawatankuasa Syariah yang telah dilantik, berkenaan semua perkara yang berkaitan dengan tugas, proses dan prosedur mereka.

These terms of references were prepared to inform and notify the appointed Shariah Committee on all relevant matters pertaining their duties, process and procedure.

2. Autoriti/*Authority:*

Terma-terma Rujukan ini dikawal selia oleh Akta Bank Negara 2009, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Garis Panduan Produk dan Perkhidmatan Pasaran Modal Islam dan Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah (termasuk sebarang pindaan yang akan dibuat dari semasa ke semasa) (“Akta dan Peraturan”).

These Terms of reference are governed by the Central Bank Act 2009, Islamic Financial Services Act 2013, Guidelines on Islamic Capital Markets Product and Services and BNM Policy Document on Shariah Governance (including any amendment that will be made from time to time) (“Laws and Regulations”).

3. Tugas, Tanggungjawab & Kebertanggungjawaban Jawatankuasa Syariah/*Duties, Responsibilities & Accountability of the Shariah Committee:*

Tugas-tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Syariah adalah seperti berikut/*The main duties and responsibilities of the Shariah Committee are as follows:*

i. Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban/*Responsibility and accountability*

Jawatankuasa Syariah perlu memahami bahawa dalam melaksanakan urusan dan tanggungjawab sebagai ahli Jawatankuasa Syariah, mereka hendaklah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan ke atas semua keputusan Syariah, pendapat dan pandangan yang mereka berikan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Surat Pelantikan atau Surat

Pelantikan Semula dan Akta dan Peraturan berkenaan tanggungjawab dan obligasi ahli Jawatankuasa Syariah.

The Shariah Committee is expected to understand that in the course of discharging the duties and responsibilities as a Shariah Committee member must be in accordance with Laws and Regulations in respect of duties and obligations of the Shariah Committee member, and responsible and accountable for all Shariah decisions, opinions and views provided by them.

- ii. Memberikan nasihat kepada Lembaga Pengarah, Bank dan Subsidiari/
Advise to the Board, Bank and its subsidiaries

Jawatankuasa Syariah dikehendaki menasihati Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan Bank dan Subsidiari dan memberi input kepada Bank berkaitan hal ehwal Syariah supaya Bank sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

The Shariah Committee is expected to advise the Board, Management and Bank's subsidiaries and provide input to the Bank on Shariah matters in order for the Bank to comply with Shariah principles at all times.

- iii. Mengendors dasar dan prosedur Syariah/ *Endorse Shariah policies and procedures*

Jawatankuasa Syariah dikehendaki mengendors dasar dan prosedur Syariah yang disediakan oleh Bank dan memastikan kandungannya tidak mengandungi apa-apa unsur yang tidak selaras dengan Syariah.

The Shariah Committee is required to endorse the Shariah policies and procedures provided by the Bank and ensure that its content does not contain any elements that are inconsistent with Shariah.

Jawatankuasa Syariah berhak untuk mewakilkan kuasanya kepada Jabatan Syariah untuk meluluskan isu dan dokumen- dokumen yang disenaraikan dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Jabatan Syariah.

The Shariah Committee has the right to delegate its authority to the Shariah Department to approve the issues and documents listed in the Shariah Department's Standard Operating Procedures (SOP).

- iv. Mengendors dan mengesahkan dokumentasi berkaitan/ *Endorse and validate relevant documentations*

Untuk memastikan bahawa produk Bank mematuhi prinsip-prinsip Syariah, Jawatankuasa Syariah mestilah meluluskan:

- a. terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi undang-undang lain yang digunakan dalam melaksanakan transaksi; dan
- b. manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan brosur yang digunakan untuk menggambarkan produk.

To ensure that the products of the Bank comply with Shariah principles, the Shariah Committee must approve:

- a. *the terms and conditions contained in the forms, contracts, agreements or other legal documentations used in executing the transactions; and*
- b. *the product manual, marketing advertisements, sales illustrations and brochures used to describe the product.*

- v. Menilai kerja yang dijalankan oleh Bahagian Penilaian Syariah dan Audit Syariah/ *Assess work carried out by Shariah review and Shariah audit*

Menilai kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Bahagian Penilaian Syariah dan audit Syariah dalam usaha memastikan hal-ehwal Syariah yang membentuk sebahagian daripada tugas-tugas mereka di dalam memberikan penilaian mengenai maklumat kepatuhan dan jaminan Syariah dalam laporan tahunan ini.

To assess the work carried out by Shariah review and Shariah audit in order to ensure compliance with Shariah matters which forms part of their duties in providing their assessment of Shariah compliance and assurance information in the annual report.

- vi. Membantu pihak-pihak yang berkaitan tentang hal ehwal Syariah/ *Assist related parties on Shariah matters*

Pihak-pihak berkaitan Bank seperti penasihat undang-undang, juruaudit atau perundingnya boleh mendapatkan khidmat nasihat berhubung hal ehwal Syariah daripada Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Syariah dikehendaki memberi bantuan yang diperlukan kepada pihak yang meminta.

The related parties of the Bank such as its legal counsel, auditor or consultant may seek advice on Shariah matters from the Shariah Committee and the Shariah Committee is expected to provide the necessary assistance to the requesting party.

- vii. Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia/ *Shariah Advisory Council, Bank Negara Malaysia*

Jawatankuasa Syariah boleh menasihati Bank supaya merujuk pada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) mengenai hal ehwal Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

Sekiranya terdapat ketidakpastian dan perbezaan pendapat, Bank boleh mendapatkan nasihat dan merujuk untuk mendapatkan fatwa daripada MPS. Permintaan untuk khidmat nasihat hendaklah disampaikan melalui Sekretariat MPS.

Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah mestilah tidak bertindak dengan cara yang akan menggugat fatwa dan keputusan yang dibuat oleh MPS atau jawatankuasa yang diwakilinya. Mereka perlu menghormati dan mematuhi fatwa Syariah yang diterbitkan dan dikeluarkan oleh MPS dan tidak boleh menentang keputusan jawatankuasa yang mereka wakili di khalayak awam.

Sekiranya terdapat pertikaian dan prosiding mahkamah yang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam atau apa-apa isu Syariah yang timbul daripada operasi perniagaan Bank, mahkamah dan juga penimbang tara hendaklah mengambil kira fatwa yang diterbitkan oleh MPS atau merujuk isu sedemikian kepada MPS untuk mendapatkan fatwanya. Apa-apa fatwa yang dibuat oleh MPS yang timbul daripada rujukan yang dibuat hendaklah mengikat ke atas Bank dan mahkamah atau penimbang tara.

Sekiranya keputusan yang diberikan oleh Jawatankuasa Syariah Bank adalah berbeza dengan fatwa yang diberikan oleh MPS, fatwa MPS hendaklah mengatasi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Syariah dibenarkan untuk menerima pakai keputusan Syariah yang lebih ketat.

The Shariah Committee may advise the Bank to consult the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC) on Shariah matters that could not be resolved.

In cases where there are uncertainties and differences of opinions, the Bank may seek advice and refer for a ruling from the SAC. The request for advice shall be communicated through the Secretariat of the SAC.

Members of the Shariah Committee must not act in a manner that would undermine the rulings and decisions made by the SAC or the committee they represent. They are required to respect and observe the published Shariah rulings issued by the SAC and shall not go against the decisions of the committee that they represent in public.

In cases of disputes and court proceedings relating to Islamic financial business or any Shariah issues arising from the Bank's business operations, both the court and the arbitrator shall take into consideration the published rulings of the SAC or refer such issues to the SAC for its ruling. Any ruling made by the SAC arising from a reference made shall be binding on the Bank and the court or the arbitrator.

In the event where the decision given by the Bank's Shariah Committee is different from the ruling given by the SAC, the rulings of the SAC shall prevail. However, the Shariah Committee is allowed to adopt a more stringent Shariah decision.

viii. *Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia / Shariah Advisory Council, Securities Commission Malaysia*

Ahli Jawatankuasa Syariah adalah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SCM) sebagai penasihat Syariah individu dan bertanggungjawab:

- a. menyediakan kepakaran Syariah dan nasihat mengenai perkara Syariah berhubung dengan produk pasaran modal Islam atau perkhidmatan pasaran modal Islam termasuk perkara yang berkaitan dengan dokumentasi (yang termasuk surat ikatan dan prospektus), struktur, ciri, instrumen pelaburan dan memastikan semua aspek produk atau aktiviti adalah selaras dengan keperluan Syariah seperti yang dinyatakan dalam undang-undang dan garis panduan sekuriti berkaitan yang dikeluarkan oleh SCM;
- b. memastikan bahawa ketetapan, prinsip dan konsep Syariah terpakai yang disahkan oleh MPS dipatuhi; dan
- c. menggunakan *ijtihad* (proses penyelidikan menggunakan intelek) untuk memastikan semua aspek yang berkaitan dengan produk pasaran modal Islam dan aktiviti pasaran modal Islam adalah mematuhi Syariah, tanpa sebarang ketetapan, prinsip dan konsep Syariah yang disahkan oleh MPS.

Penasihat Syariah hendaklah melaksanakan peranan dan tanggungjawab di atas dengan berhati-hati, berkemahiran dan bersungguh-sungguh. Jika terdapat kekaburan atau ketidakpastian berkaitan mana-mana perkara Syariah, penasihat Syariah mesti merujuk kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Shariah Committee members are registered with Securities Commission Malaysia (SCM) as individual Shariah Adviser a Shariah adviser must, among others–

- a. *provide Shariah expertise and advice on Shariah matters in relation to the Islamic capital market products or the Islamic capital market service including matters relating to documentation (which includes the deed and prospectus), structure, feature, investment instruments and ensure that all aspects of the products or activities are in accordance with Shariah requirements as set out in the relevant securities laws and guidelines issued by the SCM;*
- b. *ensure that the applicable Shariah rulings, principles and concepts endorsed by the SAC are complied with; and*
- c. *apply ijtihad (intellectual reasoning) to ensure all aspects relating to the Islamic capital market products and the Islamic capital market activity are in compliance with Shariah, in the absence of any Shariah rulings, principles and concepts endorsed by the SAC.*

Shariah Advisers must act with due care, skill and diligence. Where there is ambiguity or uncertainty relating to any Shariah matters, the Shariah adviser must consult the SCM.

- ix. *Memberikan Pandangan Syariah Secara Bertulis/ Provide Written Shariah Opinions*

Jawatankuasa Syariah dikehendaki memberikan pandangan secara bertulis dari sudut Syariah sekiranya Bank merujuk kepada MPS untuk pertimbangan lanjut, atau sekiranya Bank menyerahkan permohonan kepada Bank untuk kelulusan produk baharu.

The Shariah Committee is required to provide written Shariah opinions in circumstances where the Bank make reference to the SAC for further deliberation, or where the Bank submits applications to the Bank for new product approval.

- x. *Menyediakan garis panduan dan nasihat mengenai hal ehwal agama kepada Bank demi memastikan aktiviti Bank secara keseluruhan adalah berlandaskan Syariah/ Provide the Bank with guidelines and advice on religious matters to ensure that the Bank's overall activities are in line with Shariah.*
- xi. *Membuat keputusan mengenai perkara yang berbangkit daripada aktiviti-aktiviti Bank yang sedia ada dan pada masa depan yang mempunyai kesan dari sudut agama/ Make decisions on matters arising from existing and future activities of the Bank which have religious repercussions.*
- xii. *Melapor kepada para pemegang saham dan pendeposit bahawa semua aktiviti Bank adalah menurut Syariah/ Report to the shareholders and the depositors that all the Bank's activities are in accordance with Shariah.*

- xiii. Menyediakan khidmat nasihat dan rundingan Syariah dalam semua hal yang berkaitan dengan produk, transaksi dan aktiviti Bank, serta perniagaan lain yang melibatkan Bank/ *Provide Shariah advisory and consultancy services in all matters relating to Bank's products, transactions and activities as well as other businesses involving the Bank.*
- xiv. Meneliti dan mengendors laporan kewangan tahunan Bank/ *Scrutinize and endorse the annual financial report of the Bank.*
- xv. Menyediakan latihan kepada kakitangan Bank serta menyediakan nota atau bahan yang berkaitan untuk rujukan mereka/ *Provide training to the staff as well as notes or relevant materials for their reference.*
- xvi. Mewakili Bank atau menghadiri apa-apa mesyuarat dengan MPS atau badan berkaitan lain berhubung dengan apa-apa isu Syariah yang berkaitan dengan Bank/ *Represent the Bank or to attend any meetings with the SAC or other relevant bodies concerning any Shariah issues relating to the Bank.*
- xvii. Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan kerahsiaan maklumat dalaman BMMB dipelihara dan hendaklah bertanggungjawab untuk melindungi kerahsiaan maklumat sulit. Mereka hendaklah memastikan semua maklumat sulit dipelihara secara ketat, kecuali apabila pendedahan diberi kuasa oleh Bank atau diperlukan oleh undang-undang/ *The Shariah Committee shall maintain the confidentiality of the BMMB's internal information and shall responsible for the safe guarding of confidential information. He or she should maintain all information in strict confidence, except when disclosure is authorized by the Bank or required by law.*
- xviii. Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan keputusan Syariah dibuat secara berkualiti dan konsisten/ *The Shariah Committee shall ensure the quality and consistency of the Shariah decisions.*
- xix. Jawatankuasa Syariah mempunyai tanggungjawab untuk memberikan keputusan atau nasihat yang objektif dan wajar kepada Bank mengenai penggunaan *hajah* jenis 2 dan *darurah* berhubung dengan Dokumen Polisi Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai *Hajah* dan *Darurah*.
- The Shariah Committee has the responsibility to provide objective and sound decision or advice to the Bank on the application of hajah type 2 and darurah in relation to Bank Negara Malaysia (BNM) Policy Document on Hajah and Darurah.*
4. Prosedur Operasi bagi Jawatankuasa Syariah/ *Operation Procedures for the Shariah Committee*
- i. Keahlian/ *Membership*

Keahlian Jawatankuasa Syariah adalah berdasarkan tempoh tiga (3) tahun/ *The Shariah Committee membership is based on three (3) years term.*

ii. *Kekerapan Mesyuarat dan Kehadiran/ Frequency of Meetings and Attendance*

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua (2) bulan. Mesyuarat hendaklah diadakan kerap untuk memastikan bahawa:

- a. Jawatankuasa Syariah berhubung secukupnya dengan perniagaan Bank;
- b. Operasi Bank tidak terjejas kerana kesukaran dalam mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Syariah untuk dasar dan keputusan.

Ahli Jawatankuasa Syariah dijangka menyumbang dan memperuntukkan masa yang mencukupi dan usaha untuk menunaikan kewajipannya dengan berkesan. Ahli Jawatankuasa Syariah mesti menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang diadakan pada setiap tahun kewangan. Di mana perlu, penyertaan Jawatankuasa Syariah boleh dipermudahkan melalui persidangan video atau telefon.

Bilangan mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang diadakan dalam tahun, serta kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Syariah akan didedahkan dalam laporan tahunan Bank.

Jawatankuasa Syariah mestilah menepati masa dalam menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Syariah. Ketiadaan selama tiga (3) kali berturut-turut adalah tidak dibenarkan melainkan dengan sebab-sebab yang munasabah.

The Shariah Committee meetings shall be held at least once in every two (2) months. Meetings shall be held regularly to ensure that:

- a. *the Shariah Committee is kept sufficiently in touch with the business of the Bank;*
- b. *The operations of the Bank are not adversely affected because of the difficulty in securing the Shariah Committee's approval for policy and decision.*

The Shariah Committee member is expected to contribute and allocate adequate time and efforts to discharge his duties effectively. The Shariah Committee

member must attend at least 75% of the Shariah Committee meetings held in each financial year. Where necessary, the participation of the Shariah Committee can be facilitated by means of video or telephone conferencing.

The number of Shariah Committee meetings held in the year, as well as the attendance of every Shariah Committee member will be disclosed in the Bank's annual report.

Shariah Committee must be punctual in attending the Shariah Committee Meeting. Absence for three (3) consecutive times is disallowed unless with reasonable reasons.

iii. Kuorum minimum/ *Minimum Quorum*

Kuorum minimum mesyuarat Jawatankuasa Syariah hendaklah dua pertiga dengan majoriti ahli menghadiri mesti menjadi ahli dengan latar belakang Syariah.

The minimum quorum of a Shariah Committee meeting shall be two-third with majority of attending members must be members with Shariah background.

iv. Membuat Keputusan/ *Decision-making*

Keputusan hendaklah dibuat pada asas dua pertiga daripada anggota yang hadir, dengan majoriti undi dua pertiga hendaklah ahli dengan latar belakang Syariah.

Decisions shall be made on the basis of two-third of the members present, with majority of the two-third votes shall be members with Shariah background.

v. Laporan/ *Reporting*

Jawatankuasa Syariah hendaklah merekodkan di dalam laporan atau pernyataan yang ditujukan kepada lembaga pengarah, kebimbangan ke atas mana-mana isu ketidakpatuhan Syariah.

The Shariah Committee shall put on record in its report or statements directed to the board, its concerns over any Shariah non-compliance issues.

vi. Pelantikan/ Pelantikan Semula/ *Appointment/ Reappointment*

Pelantikan/ pelantikan semula Jawatankuasa Syariah adalah tertakluk kepada taksiran dan penilaian berdasarkan syarat-syarat yang perlu dibuat oleh Bank.

Lembaga Pengarah hendaklah, atas syor Jawatankuasa Pencalonan menamakan pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah.

Kelulusan bertulis selanjutnya dan pengesahan dari Bank Negara Malaysia mesti diperolehi selepas kelulusan daripada Lembaga Pengarah.

The appointment/reappointment of Shariah Committee is subject to assessment and evaluation based on necessary conditions made by the Bank.

The Board shall, upon recommendation of its Nomination Committee, nominate the appointment of the members of the Shariah Committee.

Further written approval and endorsement from Bank Negara Malaysia must be obtained after approval from the Board.

vii. Peletakan jawatan dan Pemecatan Jawatankuasa Syariah/ *Resignation and Dismissal of the Shariah Committee*

Jawatankuasa Syariah hendaklah memberitahu Bank sebarang peletakan jawatan atau pemecatan dengan memberi tiga (3) bulan notis dengan alasan.

Sebagai balasan, Bank akan memberikan tiga (3) bulan notis sebelum penamatan perkhidmatan Jawatankuasa Syariah.

Shariah Committee shall notify the Bank of any resignation or dismissal by giving three (3) months notice with reasons.

In return, Bank will give three (3) months notice prior to termination of Shariah Committee's service.

viii. Senarai Negatif/ *Negative List*

i. Ahli Jawatankuasa Syariah tidak boleh mempunyai apa-apa hubungan yang boleh mengganggu atau semunasabahnya dilihat mengganggu pelaksanaan pertimbangan bebas, dengan orang yang berikut:

a. ahli keluarga terdekat seperti pasangan, anak-anak atau adik-beradik yang, atau yang pada tahun kewangan yang lepas, yang digunakan oleh Bank atau atau mana-mana syarikat yang berkaitan sebagai ketua pegawai eksekutif atau ahli lembaga pengarah bukan bebas;

- b. pemegang saham utama, atau rakan kongsi dalam (dengan pegangan sebanyak 5% atau lebih), atau seorang pegawai eksekutif, atau seorang pengarah mana-mana organisasi perniagaan untuk keuntungan yang dibuat oleh Bank atau mana-mana anak syarikatnya, atau dari mana Bank atau mana-mana anak syarikatnya yang diterima, pembayaran ketara dalam tahun kewangan yang lepas semasa atau serta merta.
- ii. Ahli Jawatankuasa Syariah hendaklah bukan:
 - a. Pekerja Bank atau mana-mana syarikat yang berkaitan untuk semasa atau tahun kewangan yang terakhir;
 - b. Ahli Jawatankuasa Syariah Bank lain dalam industri yang sama.
- i. *The Shariah Committee member shall not have any relationship that could interfere or be reasonably perceived to interfere with the exercise of independent judgment, with the following persons:*
 - a. *an immediate family member such as spouse, children or siblings who are, or who were during the last financial year, employed by the Bank or any of its related companies as a chief executive officer (CEO) or non-independent board members; and*
 - b. *a substantial shareholder of, or a partner in (with a stake of 5% or more), or an executive officer of, or a director of any for-profit business organisation to which the Bank or any of its subsidiaries made, or from which the Bank or any of its subsidiaries received, significant payments in the current or immediate past financial year.*
- ii. *The Shariah Committee member shall not be:*
 - a. *an employee of the Bank or any of its related companies for the current or the last financial year; and*
 - b. *Shariah Committee member of another Bank within the same industry.*